



[Home](#) / [2025](#) / [December](#) /

UiTM Pahang dan PPD Maran Jayakan Jelajah Pendidikan Digital Daerah Maran 2025


SINERGI

08/12/2025 / NURFARAWAHIDAH BADRUESHAM



JENJKA, PAHANG, 1 Disember 2025 – Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Maran telah menganjurkan **Jelajah Pendidikan Digital Daerah Maran 2025**, sebuah program empat hari yang memberi fokus kepada peningkatan literasi digital dan celik teknologi murid Tahun 4 dan 5, selaras dengan Teras 1 Dasar Pendidikan Digital.

Program yang berlangsung dari 3 hingga 6 November ini melibatkan empat sekolah iaitu **SK Bandar Pusat, SK Desa Jaya, SK Seri Keramat dan SK Pesagi**, dengan penyertaan keseluruhan seramai **640 murid**, termasuk sekolah-sekolah Zon Chenor. Showcase daripada Pasukan Robotik SK FELDA Jenjka 11 dan SK LKTP Jenjka 14 turut menyerikan program dengan demonstrasi inovasi digital dan robotik.



UNIT KORPORAT & KOLABORASI
PERPUSTAKAAN UiTM PAHANG



Sepanjang jelajah, murid mengikuti pelbagai aktiviti interaktif seperti **Keyboard Heroes**, **Digital Word Hunt**, **Emoji Smart Talk**, **kuiz digital** serta cabaran stesen teknologi. Antara pengisian menarik ialah aktiviti “**Memory Makers with Canva**”, yang memberi peluang kepada murid meneroka asas reka bentuk digital termasuk penggunaan template, susun atur grafik dan penghasilan poster. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kreativiti, malah membina keyakinan murid dalam penggunaan aplikasi digital secara praktikal.

Menurut wakil penganjur, program ini bukan sahaja meningkatkan celik digital murid tetapi turut menggalakkan pembudayaan ilmu digital melalui pendedahan awal kepada keselamatan siber, kreativiti digital dan etika penggunaan teknologi. Inisiatif ini menyokong **SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)**, **SDG 9 (Inovasi)** dan **SDG 17 (Kerjasama)**.

Program ini mengukuhkan sinergi antara Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang, USTP dan PPD Maran dalam memperkasa pendidikan digital yang inklusif dan berorientasikan masa depan, sekaligus melahirkan generasi muda yang lebih bersedia menghadapi cabaran dunia digital.

Penulis: **Siti Nur Maisarah Binti Mohd Nadzari**

Penyunting: **Nurfarawahidah Binti Badruesham**



Tags: [Pejabat Pendidikan Daerah \(PPD\) Maran](#), [Perpustakaan Al-Bukhari](#), [SK Bandar Pusat](#), [SK Desa Jaya](#), [SK Pesagi](#), [SK Seri Keramat](#), [UiTM Cawangan Pahang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[MIID Launches SEED Program to Elevate Interior Design Education and Professional Standards in Malaysia](#)

[MaReG UiTM Perkenal Inovasi Ekoenzim di Karnival Ban Canal 2025](#)

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000

